



## KEMENTERIAN DALAM NEGERI

### Semua Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan

### PEKELILING AGENSI PERSENDIRIAN BILANGAN 1 TAHUN 2018 BERHUBUNG GARIS PANDUAN PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN KAWALAN KESELAMATAN DI INSTITUSI PERBANKAN

#### TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan dan institusi perbankan berhubung garis panduan pengendalian kawalan keselamatan di institusi perbankan.

#### LATAR BELAKANG

2. Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah melaksanakan satu inisiatif baru untuk mewujudkan satu *Standard Operating Procedure (SOP)* bagi Pengurusan Dan Pengendalian Kawalan Keselamatan Di Institusi Perbankan. SOP ini akan dikenali sebagai Garis Panduan Pengurusan Dan Pengendalian Kawalan Keselamatan Di Institusi Perbankan Oleh Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan Yang Berlesen Di Bawah Akta Agensi Persendirian 1971.
3. KDN telah mengeluarkan Peraturan Tetap Operasi (PTO) No. 2 Tahun 2010 iaitu PTO Pengurusan dan Pengendalian Transit Wang Tunai Serta Barang Berharga (CVIT) bagi meningkatkan lagi tadbir urus Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan. PTO ini juga akan di kemaskini selaras dengan Garis Panduan Pengurusan Dan Pengendalian Kawalan Keselamatan Di Institusi Perbankan Oleh Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan Dan Institusi Perbankan.

4. KDN mendapati wujudnya ancaman-ancaman yang boleh menjejaskan keselamatan pelanggan dan kakitangan bank serta orang awam di institusi perbankan. Kes rompakan institusi perbankan dan rompakan Mesin Pengeluaran Wang Automatik (ATM) serta aktiviti jenayah lain yang boleh mendatangkan ancaman dan kemudaratan kepada ketenteraman awam perlu dicegah daripada berlaku.
5. Langkah-langkah yang sewajarnya seperti menambah baik peraturan berhubung pengurusan dan pengendalian kawalan keselamatan di institusi perbankan oleh syarikat agensi persendirian / syarikat kawalan keselamatan adalah perlu bagi menjamin keselamatan dan ketenteraman awam sentiasa terpelihara.

#### **SYARAT PELANTIKAN PENGAWAL KESELAMATAN DI INSTITUSI PERBANKAN**

6. Pelantikan pengawal keselamatan di institusi perbankan adalah tertakluk kepada Pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 4 Tahun 2010; dan
7. Pengawal keselamatan warganegara asing adalah **TIDAK DIBENARKAN** bekerja di dalam premis perbankan.

#### **TANGGUNGJAWAB PENGAWAL KESELAMATAN DI INSTITUSI PERBANKAN**

8. Pengawal keselamatan yang bertugas di premis perbankan hendaklah menjalankan tanggungjawab seperti berikut :
  - 8.1 pengawal keselamatan bank yang bersenjata **WAJIB** mematuhi **Pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 1 Tahun 2017 Berhubung Garis Panduan Permohonan Dan Pengendalian Senjata Api Oleh Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan Yang Berlesen Di Bawah Akta Agensi Persendirian 1971;**
  - 8.2 mengawal keselamatan institusi perbankan dari sebarang ancaman jenayah;
  - 8.3 memastikan setiap pelanggan yang ingin memasuki institusi perbankan yang dikawal mematuhi arahan keselamatan yang telah ditetapkan oleh pihak bank;
  - 8.4 berada di kawasan yang telah ditetapkan sepanjang waktu bertugas;

- 8.5 **TIDAK** boleh melakukan sebarang tugas lain selain tugas berkaitan kawalan keselamatan; dan
- 8.6 **TIDAK** boleh melakukan sebarang tindakan yang boleh menimbulkan rasa terancam kepada pelanggan bank dan kakitangan bank.

### **TANGGUNGJAWAB PENGIRING CASH IN TRANSIT (CIT)**

- 9. Pengawal keselamatan yang bertugas sebagai pengiring CIT hendaklah menjalankan tanggung jawab seperti berikut;
  - 9.1 pengiring CIT bersenjata **WAJIB** mematuhi **Pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 1 Tahun 2017 Berhubung Garis Panduan Permohonan Dan Pengendalian Senjata Api Oleh Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan Yang Berlesen Di Bawah Akta Agensi Persendirian 1971;**
  - 9.2 memastikan keselamatan kenderaan yang membawa wang tunai sepanjang perjalanan ke institusi perbankan yang dituju;
  - 9.3 **TIDAK** boleh melakukan sebarang tugas lain selain tugas berkaitan kawalan keselamatan; dan
  - 9.4 **TIDAK** boleh melakukan sebarang tindakan yang boleh menimbulkan rasa terancam kepada pelanggan bank dan kakitangan bank.

### **TANGGUNGJAWAB INSTITUSI PERBANKAN**

- 10. Setiap institusi perbankan yang menggunakan pengawal keselamatan statik atau pun bersenjata hendaklah;
  - 10.1 menyediakan tempat khusus dan selamat untuk pengawal keselamatan berkawal;
  - 10.2 menyediakan tatacara keselamatan yang perlu dipatuhi oleh pelanggan institusi perbankan;
  - 10.3 menyediakan penggera keselamatan dan sistem kamera litar tertutup (CCTV) yang dapat memberikan kualiti rakaman yang jelas di dalam dan luar premis;
  - 10.4 memastikan pengawal keselamatan tidak menjalankan tugas perkeranian ataupun khidmat pelanggan di institusi perbankan;

- 10.5 melaporkan kepada pihak pengurusan syarikat sekiranya terdapat salah laku atau perlakuan yang mencurigakan oleh pengawal keselamatan;
- 10.6 pengawal keselamatan bersenjata hendaklah ditempatkan di belakang kaunter juruwang;
- 10.7 pengawal keselamatan statik hendaklah ditempatkan berhampiran pintu masuk bank;
- 10.8 memberikan kerjasama kepada pegawai polis yang datang untuk membuat pemeriksaan;
- 10.9 memastikan setiap premis yang menempatkan pengawal keselamatan bersenjata mestilah menempatkan bersama sekurang-kurangnya satu (1) pengawal keselamatan statik tanpa senjata; dan
- 10.10 menggalakkan kakitangan institusi perbankan mendaftar dan menggunakan aplikasi *Volunteer Smartphone Patrol (VSP)* yang dibangunkan oleh PDRM.

## **TANGGUNGJAWAB SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN**

11. Setiap majikan yang mendapat tawaran untuk menjalankan perkhidmatan kawalan keselamatan di institusi perbankan hendaklah:
  - 11.1 memastikan semua pengawal keselamatan yang hendak menjaga institusi perbankan telah menghadiri kursus *Certified Security Guards (CSG)*;
  - 11.2 memastikan pengawal keselamatan bersenjata telah menjalani kursus asas senjata api sepertimana yang terkandung di dalam Pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 1 Tahun 2017 Berhubung Garis Panduan Permohonan Dan Pengendalian Senjata Api Oleh Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan Yang Berlesen Di Bawah Akta Agensi Persendirian 1971;
  - 11.3 memastikan semua pengawal keselamatan bersenjata mempunyai permit *carry & use* senjata api yang sah atau kad senjata yang dikeluarkan oleh PDRM;

- 11.4 memastikan senjata api yang digunakan disimpan ditempat yang telah disediakan dan mempunyai rekod keluar dan masuk di dalam buku daftar senjata api syarikat;
- 11.5 memastikan pengawal keselamatan bersenjata dan statik menjalankan tugas dengan baik dan tidak melakukan tindakan yang boleh menjejaskan keselamatan orang awam, pelanggan bank dan kakitangan bank;
- 11.6 menjaga kebajikan semua pengawal keselamatan;
- 11.7 memastikan pertukaran syif pengawal keselamatan berjalan dengan lancar tanpa selang masa; dan
- 11.8 memastikan sebarang penggantian pengawal keselamatan mendapat persetujuan daripada pihak bank terlebih dahulu.

#### **KAWALAN KESELAMATAN MESIN JURUWANG AUTOMATIK (ATM)**

12. Kawalan keselamatan terhadap mesin ATM hendaklah selaras dengan polisi dan syor yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) termasuk:
  - i. *Measures To Enhance The Security Of Automated Teller Machines (ATMs) and Other Related Cash Service Machines Against Robbery Attempts* – keluaran pada 24 Mac 2017;
  - ii. *Installation of New Automated Teller Machines (ATMs), Cash Deposit Machines (CDMs) and Deposit ATMs* – keluaran 8 Ogos 2016;
  - iii. *Measures To Enhance The Security Of Auto-Teller Machines (ATMs)* – keluaran 7 Ogos 2013; dan
  - iv. lain-lain pekeliling dan garis panduan dari semasa ke semasa.
13. Institusi perbankan perlu menyediakan pengawal keselamatan bagi menjaga mesin ATM di premis cawangan bank (branch) yang beroperasi 24 jam bagi memastikan keselamatan pelanggan dan aset bank terjamin.
14. Wajib maklumkan lokasi ATM (*On Bank* atau *Off Bank*) kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) dan Balai Polis berdekatan secara bertulis.

## **LATIHAN KEPADA PENGAWAL KESELAMATAN BERSENJATA**

15. Setiap pengawal keselamatan yang menggunakan senjata api mestilah menjalani latihan sepertimana yang terkandung di dalam Pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 1 Tahun 2017 Berhubung Garis Panduan Permohonan Dan Pengendalian Senjata Api Oleh Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan Yang Berlesen Di Bawah Akta Agensi Persendirian 1971.

## **LAPORAN**

16. Syarikat agensi persendirian / syarikat kawalan keselamatan hendaklah mengemukakan laporan mengenai jumlah pengawal bersenjata dan pengawal keselamatan statik (tidak bersenjata) bagi setiap institusi perbankan yang dikawal kepada Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) yang berhampiran.
17. Laporan ini hendaklah ditandatangani oleh pengurus syarikat dan pengurus bank yang dikawal sebelum diserahkan kepada IPD yang berhampiran.

## **NAZIRAN KE ATAS SYARIKAT AGENSI PERSENDIRIAN/ SYARIKAT KAWALAN KESELAMATAN**

18. Pegawai Polis pada bila-bila masa boleh memeriksa senjata api yang digunakan oleh pengawal keselamatan di institusi perbankan; dan
19. Pegawai Kementerian Dalam Negeri yang telah dilantik oleh Menteri Dalam Negeri berdasarkan seksyen 17 (1) Akta Agensi Persendirian 1971 boleh melawat dan memeriksa mana-mana pengawal keselamatan yang bertugas di institusi perbankan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi.

## **PEMATUHAN TERHADAP GARIS PANDUAN**

20. Semua syarikat agensi persendirian / syarikat kawalan keselamatan hendaklah mematuhi:
  - i. Pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 2 Tahun 2017 Berhubung Garis Panduan Pengurusan Dan Pengendalian Kawalan Keselamatan Di Institusi Perbankan Oleh Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan Yang Berlesen Di Bawah Akta Agensi Persendirian 1971;

- ii. Pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 1 Tahun 2017 Berhubung Garis Panduan Permohonan Dan Pengendalian Senjata Api Oleh Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan Yang Berlesen Di Bawah Akta Agensi Persendirian 1971; dan
- iii. Akta Senjata 1960.

21. Kegagalan syarikat agensi persendirian / syarikat kawalan keselamatan mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan oleh garis panduan ini boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 atau mana-mana akta atau undang-undang yang berkuatkuasa.

### **KUASA-KUASA BERKAITAN**

22. Garis panduan ini dikeluarkan selaras dengan Seksyen 3(2), Akta Agensi Persendirian 1971 bagi tujuan mempertingkatkan lagi perkhidmatan kawalan keselamatan oleh syarikat agensi persendirian / syarikat kawalan keselamatan di institusi-institusi perbankan.

### **TARIKH KUATKUASA**

23. Pekeliling Agensi Persendirian Bilangan 1 Tahun 2018 Berhubung Garis Panduan Pengurusan Dan Pengendalian Kawalan Keselamatan Di Institusi Perbankan Oleh Syarikat Agensi Persendirian / Syarikat Kawalan Keselamatan dan institusi perbankan ini berkuatkuasa serta-merta mulai tarikh ia dikeluarkan.

### **PENUTUP**

Pekeliling ini adalah tertakluk kepada keputusan akhir dan mutlak oleh kuasa Menteri Dalam Negeri yang diperuntukkan di bawah Akta Agensi Persendirian 1971.

Sekian, terima kasih.

  
(DATO' SERI ALWI BIN HJ. IBRAHIM)  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Dalam Negeri

Tarikh:

8/1/18

s.k:

Gabenor Bank Negara

Ketua Polis Negara

Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia

Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM)

Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM)

Persatuan Institusi-Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM)